



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	KOSMO	
TARIKH	:	19/7/2019	MUKA SURAT : 14
JABATAN	:	PERHILITAN	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Cubaan seludup keluar 260 burung murai batu gagal

KOTA TINGGI – Jabatan Perhilitan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Johor berjaya mengagalkan cubaan seludup 260 ekor burung murai batu ke negara jiran, dua hari lalu.

Pengarah Perhilitan Johor, Salman Saaban berkata, kesemua burung berkenaan ditemui di dalam 23 sangkar di kawasan Hentian Rehat Layang, Lebuh Raya Senai-Desaru di sini.

“Berdasarkan maklumat awam, pasukan penguat kuasa Perhilitan Johor menemui kesemua haiwan tersebut kira-kira pukul 2 pagi dipercayai sedang dalam siap sedia untuk dipindahkan kepada penyeludup sebelum dihantar menggunakan jalan laut ke Indonesia,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Katanya, tiada tangkapan dilakukan kerana suspek berjaya melarikan diri daripada ditahan

pasukan penguat kuasa Perhilitan Johor.

“Kawasan Hentian Rehat Layang menghala ke Bandar Penawar Kota Tinggi diperawai dijadikan kawasan penyerahan hidupan liar itu kerana kawasan tersebut mempunyai banyak laluan keluar alternatif untuk mengelakkan ditangkap pihak berkuasa,” jelasnya.

Tambah Salman, murai batu mendapat permintaan tinggi di negara jiran dan boleh dijual antara RM1,000 hingga RM2,000 seekor bergantung kepada kecantikan serta kemerdian suaranya.

“Murai batu merupakan spesies yang dilindungi di bawah Seksyen 60 Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716).

“Sesapa yang memburu atau menyimpan hidupan liar yang dilindungi boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara tidak lebih dua tahun atau

INFO

Burung Murai Batu

- Biasanya mempunyai berat 0.03 kilogram dan panjang kira-kira 22 hingga 27 sentimeter
- Mempunyai bunyi merdu dan sering dijadikan burung belaian
- Burung jantan hitam berkilat dan bulu putih pada ekor
- Burung betina adalah lebih keperangan

kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan,” katanya.

Sehubungan itu, Salman menggesa orang ramai terus bersama-sama menyalurkan sebarang maklumat kepada Perhilitan Johor bagi mencegah kegiatan jenayah hidupan liar. – Berrama



PERHILITAN Johor berjaya gagal cubaan seludup burung murai batu ke negara jiran di kawasan Hentian Rehat Layang, Lebuh Raya Senai-Desaru pada Selasa lalu.